

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**SOALAN**

**PUAN RUSNAH BINTI ALUAI** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bagaimanakah pemilihan untuk mendapatkan rumah dalam Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dilakukan memandangkan ada rakyat yang benar-benar susah tidak dapat keutamaan dalam penerimaan bantuan ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sentiasa berusaha menambah baik pelaksanaan dan penyampaian PPRT dari semasa ke semasa agar bantuan di bawah Program Bantuan Rumah PPRT yang meliputi projek baik pulih dan bina baharu rumah dapat dinikmati oleh kumpulan sasar khususnya golongan miskin dan miskin tegar di luar bandar. Dalam hal ini, permohonan dan pemilihan bantuan PPRT telah ditambah baik dengan mempelbagaikan saluran permohonan berdasarkan kepada syarat dan tatacara bantuan yang ditetapkan.

Secara umumnya, asas pemilihan penerima adalah melalui bank data Sistem eKasih. Walau bagaimanapun, Kementerian menerima dan menimbangkan permohonan selain daripada melalui sistem berkenaan iaitu melalui perakuan dan pengesahan daripada Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah (FGD) atau Negeri (FGN) atau jawatankuasa yang setara dengannya di peringkat negeri/daerah.

Selain itu, Kementerian turut mengadakan inisiatif “search and assist” oleh pegawai-pegawai Kementerian dan Agensi di bawah Kementerian ini dari semasa ke semasa. Pemohonan individu juga boleh dibuat secara dalam talian dan akan dipertimbangkan dalam Jawatankuasa di peringkat Kementerian berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

Kaedah permohonan daripada pelbagai sumber ini adalah bagi memastikan bantuan dapat disalurkan kepada penerima yang layak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**SOALAN**

**PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [ TANGGA BATU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang bakal diambil oleh Kementerian bagi mengawal harga runcit bagi minyak sawit memandangkan harga sawit telah mencecah pada aras tertinggi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 1 Ogos 2021, Kerajaan telah memperkenalkan Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM) iaitu kawalan harga jualan maksimum runcit kepada minyak masak sawit tulen dalam botol 1kg, 2kg, 3kg, dan 5 kg sebagai langkah untuk menstabilkan harga minyak masak di pasaran.

2. Melalui program ini, harga siling jualan minyak masak sawit tulen ditetapkan supaya tidak melebihi RM30 bagi setiap botol 5kg dan sekiranya peruncit didapati menjual minyak masak melebihi harga yang ditetapkan, mereka boleh diambil tindakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

3. Sebagai makluman, Program MKHMM dilaksanakan secara serentak dengan Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak iaitu subsidi minyak masak dalam pek polibeg 1kg. Kini pengguna mempunyai lebih pilihan untuk mendapatkan minyak masak, sama ada dalam bentuk polibeg 1kg yang disubsidi oleh Kerajaan dan ditetapkan harga pada RM2.50 bagi setiap 1kg ataupun minyak masak dalam botol yang mana dijual pada harga yang berpatutan melalui Program MKHMM

Sekian, terima kasih.